



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية ماليزيا  
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

# Buletin INFAD

INSTITUT PENGURUSAN & PENYELIDIKAN FATWA SEDUNIA  
WORLD FATWA MANAGEMENT & RESEARCH INSTITUTE

مجمع الفتاوى العالمية للإدارة والبحث

Bil. 1 (Ogos 2003/Jamadil Akhir 1424)

ISSN 1675-6959

## Kandungan

### Sekapur Sirih Seulas Pinang:

|                                                          |   |
|----------------------------------------------------------|---|
| Pengerusi KUIM                                           | 1 |
| Rektor KUIM                                              | 2 |
| Pemangku Pengarah INFAD                                  | 2 |
| Berita Perasmian INFAD                                   | 3 |
| Kronologi Penubuhan INFAD                                | 3 |
| Pandangan Mufti dan Tokoh Agama Terhadap Penubuhan INFAD | 4 |
| INFAD Terbit Buletin Pertama                             | 4 |
| INFAD Akan Lancarkan Wacana Pertama                      | 4 |
| Struktur Organisasi Pentadbiran INFAD                    | 5 |
| Pembangunan Sistem Maklumat Pengurusan Fatwa di INFAD    | 5 |
| Pengenalan Ringkas Kepada INFAD                          | 6 |
| Berita Majlis Perasmian INFAD di Akhbar Tempatan         | 7 |
| Ulasan Buku                                              | 8 |



*Sekapur Sirih Seulas Pinang*

Y. Bhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor

*Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh*

Saya merasa amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk memberikan sepatah dua kata di dalam terbitan sulung BULETIN INFAD ini. Tahniah diucapkan kepada INFAD kerana dalam masa yang singkat iaitu sejak dirasmikan pada 26 Mei 2003 yang lalu telah menunjukkan perkembangan yang pesat dan kini telah berjaya menerbitkan Buletinnya yang pertama.

Saya berharap dengan penerbitan buletin ini, maklumat mengenai INFAD dan peristiwa-peristiwa berkaitan dengan fatwa dapat disebarkan kepada

masyarakat luar sama ada di dalam atau di luar negara. Pastinya, sebagai sebuah institut yang bertaraf antara-bangsa INFAD perlu memastikan bahawa ia sentiasa terkehadapan dalam menyampaikan maklumat berkenaan fatwa dan permasalahan yang timbul darinya sesuai dengan arus pemodenan dan kemajuan ICT pada hari ini.

Semoga INFAD akan terus meluaskan aktivitinya dalam semua bidang dengan menggiatkan program-program berkaitan penyelidikan, penerbitan, perundingan dan sebagainya. Doa dari saya agar INFAD akan terus maju dan dirahmati Allah s.w.t.

Amin.

**Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor**  
Pengerusi KUIM



## SIDANG PENGARANG BULETIN INFAD

### Penaung

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj.  
Husin  
Rektor KUIM

### Penasihat

Prof. Dr. Abdul Samat Musa  
Pemangku Pengarah INFAD  
Merangkap Dekan Fakulti  
Syariah dan Undang-undang

### Ketua Editor

Pn. Zurina Kefeli @ Zulkefli

### Editor

Dr. Adel M. Abdulaziz Algeriani  
Dr. Hersi Mohamed Hilole  
Pn. Hazleena Baharun  
Mr. Leslie Terebessy @ Abdul  
Karim Abdullah  
Pn. Harison @ Hanisa Mohd Sidek  
En. Md. Yunus Abd. Aziz  
Pn. Rozlina Mohd Ramli

### Jurugambar

En. Djohan Shahrin Shah Sabli

### Urusetia

Cik Norhayati Adam  
Pn. Hariza Mohd Yusof  
Pn. Nor Azzah Momin



*Sekapur Sirih  
Seulas Pinang*

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

INFAD telah mewarnai dunia penerbitan KUIM apabila telah berjaya menerbitkan BULETIN INFAD ini. Saya amat berbesar hati kerana dengan terbitnya buletin ini, maklumat mengenai perkembangan INFAD khususnya dan KUIM amnya dapat disalurkan kepada masyarakat dalam dan luar negara. Adalah diharapkan Buletin ini akan menjadi salah satu wadah bagi para akademik dan ilmuwan untuk berkarya. Selain itu, saya berharap agar usaha menerbitkan Buletin ini akan berterusan.  
Wassalam.

**Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**

Rektor KUIM

Merangkap Pengerusi Majlis Penasihat INFAD



*Sekapur Sirih  
Seulas Pinang*

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Alhamdulillah, perancangan INFAD di bawah Bahagian Penerbitan iaitu bagi menerbitkan BULETIN INFAD telah berjaya dilaksanakan. Selain bidang penerbitan fatwa, INFAD juga memfokuskan aktivitinya kepada lain-lain bidang seperti penyelidikan, perundingan, pengumpulan sumber dan dokumentasi fatwa, membina jaringan dan perhubungan antarabangsa, menganjurkan wacana dan seminar serta membangunkan sistem maklumat pengurusan fatwa. Aktiviti-aktiviti ini akan berterusan dari masa ke semasa agar dapat memberi sumbangan kepada pembangunan umat Islam seluruhnya.

Akhirnya, saya mengucapkan syabas kepada sidang editor BULETIN INFAD atas usaha yang murni ini.  
Wassalam.

**Prof. Dr. Abdul Samat Musa**

Pemangku Pengarah INFAD

Merangkap Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang

## Dari Meja Editor

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya BULETIN INFAD keluaran pertama ini telah berjaya diterbitkan. Di kesempatan ini, kami dari Sidang Pengarang BULETIN INFAD ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buletin ini di atas sokongan yang berterusan. Sekiranya pihak anda ingin memberi sumbangan dalam bentuk berita, artikel, pendapat, gambar dan sebagainya yang berkaitan dengan Fatwa, sila kemukakan kepada kami di alamat seperti berikut:

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)  
Kolej Universiti Islam Malaysia  
Tingkat 10, Menara A, Persiaran MPAJ  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah  
55100 Kuala Lumpur

Tel: 03-42892233  
Fax: 03-42892234  
E-mail: <http://infad.kuim.edu.my>

## PERASMIAN INFAD

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) hasil cetusan fikiran Y.Bhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM telah menjadi kenyataan apabila dirasmikan pada 26 Mei 2003 oleh Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan INFAD adalah sebahagian daripada usaha KUIM untuk menubuhkan beberapa pusat kecemerlangan, sesuai dengan hasratnya untuk memartabatkan tradisi keilmuan Islam di Malaysia, dan memberi sumbangan kepada masyarakat Islam dan antarabangsa.

Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin berkata INFAD akan mempercepatkan proses penetapan sesuatu fatwa dan ini akan memudahkan umat Islam mendapat jawapan atas segala kesulitan yang mereka alami. Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa INFAD tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan fatwa sebaliknya INFAD hanya bertindak sebagai pusat penyelidikan, penerbitan, perundingan dan pengurusan fatwa. INFAD akan membantu organisasi yang terlibat dengan fatwa tetapi tidak akan mengambil alih tugas mana-mana organisasi sedia ada.

Menurut Pemangku Pengarah INFAD, Prof. Dr. Abdul Samat Musa, INFAD berhasrat menjadi sebuah institut penyelidikan, perundingan dan pusat maklumat berkaitan fatwa bertaraf dunia yang terkehadapan dan berwibawa serta dikenali di semua peringkat sama ada tempatan, serantau atau antarabangsa.

Antara aktiviti yang akan dijalankan oleh INFAD meliputi penyelidikan berkenaan konsep, kepentingan asas



Sebahagian tetamu yang hadir dalam majlis perasmian INFAD tempohari

dan hubungan fatwa dengan keperluan semasa, governan institusi fatwa, menganalisis dan mengklasifikasikan pelbagai jenis fatwa dari seluruh negara Islam dan minoriti Islam, mengkaji proses pengeluaran dan mekanisme penguatkuasaan fatwa serta kaitan dan implikasi fatwa kepada masyarakat.

Di samping aktiviti penyelidikan, INFAD turut menjalankan aktiviti penerbitan dan pendokumentasian, menganjurkan seminar berkaitan fatwa, menawarkan pakej-pakej perkhidmatan perundingan, nasihat kepakaran dan modul-modul latihan berkaitan fatwa dan hukum Islam. Setiap aktiviti ini akan diselia oleh seorang Penyelaras mengikut bidang kepakaran masing-masing.

## KRONOLOGI PENUBUHAN INFAD

**6 Ogos 2002:** Hasrat penubuhan INFAD oleh KUIM telah diumumkan kepada orang ramai melalui satu sidang akhbar. Idea awal penubuhan INFAD telah dicetuskan oleh Y.Bhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU) KUIM.

**9 Ogos 2002:** Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tinggi KUIM yang dipengerusikan oleh Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukur Husin, Rektor KUIM telah bersetuju untuk melantik satu jawatankuasa khusus bagi penyediaan kertas cadangan bagi penubuhan institut ini.

**27 Ogos 2002:** Perlantikan Jawatankuasa bagi menyediakan kertas kerja diumumkan oleh Y.Bhg Dato' Rektor. Jawatankuasa Penyediaan Kertas Cadangan diketuai oleh Prof. Dr. Abdul Samat Musa.



**18 Oktober 2002:** Kertas cadangan penubuhan INFAD telah dipersetujui dalam Mesyuarat Senat KUIM yang ke-11.

**28 November 2002:** Penubuhan INFAD telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti KUIM yang ke-6.

**26 Mei 2003:** INFAD telah dirasmikan penubuhannya oleh Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertempat di Palace of the Golden Horses, Serdang, Selangor.

## PANDANGAN MUFTI DAN TOKOH AGAMA TERHADAP PENUBUHAN INFAD

Sebelum INFAD ditubuhkan, beberapa tinjauan telah dilakukan bagi mendapatkan respon masyarakat mengenai penubuhannya. Antaranya, pihak KUIM telah menghubungi para Mufti dan tokoh-tokoh agama bagi mendapatkan pandangan mereka. Beberapa maklum balas telah diterima antaranya daripada **Prof. Madya Dr. Mohammed Yusoff B. Hussain, Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri**. Menurut beliau penubuhan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) amat dialu-alukan dan berharap ianya akan mencapai tujuan dan matlamat yang dirancangkan.

Di peringkat antarabangsa, **Prof. Dr. Muhammad al-Zuhaili, Dekan Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Universiti al-Syariqah** pula menyatakan bahawa KUIM telah mendahului seluruh dunia Islam lain dan telah menunaikan satu Fardhu Kifayah terhadap umat Islam di abad ini. Beliau berharap agar INFAD dapat menjalankan penyelidikan yang mendalam dan menawarkan program yang bermanfaat dan terkini kepada kerajaan, institusi, syarikat dan orang perseorangan. INFAD juga diharap mampu menjalankan kajian ilmiah mengenai pelbagai isu sesuai dengan perkembangan ilmu moden, berbentuk pendekatan global dan melalui ciptaan terkini bagi memastikan Fiqh Islam dan para Ulamaq Syariah sentiasa memberi in-



put kepada keperluan dan kemaslahatan masyarakat, ummah dan negara agar tidak ketinggalan.

Selain itu, **Dr. Muhammad Taufiq Ramadhan al-Buthi, Ketua Jabatan Fiqh Islam dan Mazhab, Fakulti Syariah, Universiti Damsyik** dan **Dr. Wahbah al-Zuhaili, Profesor Fiqh dan Usul Fiqh** dari universiti yang sama mengucapkan tahniah atas usaha murni KUIM dan berdoa mudah-mudahan Allah membantu usaha menubuhkan institut ini. Hakikatnya, kewujudan INFAD yang melaksanakan matlamat yang sebegini adalah khidmat mulia terhadap umat Islam dan institusi keilmuan. INFAD memberi sumbangan besar kepada pembangunan dan peningkatan aktiviti fatwa.



### INFAD TERBIT BULETIN PERTAMA

Setelah berjaya menerbitkan buku panduan INFAD yang diedarkan sempena Majlis Perasmian INFAD 26 Mei 2003 yang lalu, kini Bahagian Penerbitan INFAD menerbitkan BULETIN INFAD sebagai penerbitan INFAD yang kedua. Buletin ini akan diterbitkan 3 kali dalam setahun iaitu bagi keluaran bulan April, Ogos dan Disember. Terbitan pertama adalah bagi bulan Ogos 2003 yang diedarkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen KUIM yang pertama pada 9 Ogos 2003.

Sidang Editor BULETIN INFAD adalah terdiri daripada seorang Ketua Editor, beberapa orang Editor, seorang jurugambar dan 3 orang Urusetia. Sidang Editor ini dinaungi oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM dan Y.Bhg. Prof. Dr. Abdul Samat Musa, Pemangku Pengarah INFAD sebagai Penasihat.

Pihak Sidang Editor BULETIN INFAD mengalu-alukan sebarang bentuk sumbangan daripada hasil penyelidikan, penulisan ilmiah dan sebagainya untuk diterbitkan di dalam buletin ini.

Pada tahun 2004 pula, Bahagian Penerbitan INFAD akan menerbitkan Jurnal di peringkat antarabangsa iaitu "The International Journal of Fatwa Management and Research".

### INFAD AKAN LANCARKAN WACANA PERTAMA

Bermula 30 Ogos ini, Bahagian Seminar dan Wacana akan memulakan Majlis Wacana yang pertama dengan menjemput beberapa orang tokoh agama bagi membicarakan isu-isu berkaitan pengurusan fatwa. Pada majlis yang sama INFAD akan turut mengadakan Majlis Perasmian Wacana INFAD 2003 yang akan dirasmikan oleh Pengerusi LPU KUIM Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor.

Menurut Pn. Syahirah Abd. Shukor, Penyelaras Bahagian Seminar dan Wacana INFAD, beberapa program dalam bentuk wacana dan seminar akan dianjurkan oleh pihak beliau antaranya program **Sehari bersama Mufti (A Day with our Distinguished Mufti)** yang mana pihak INFAD akan menjemput seorang Mufti dari mana-mana negeri untuk sama-sama berkongsi pengalaman dan pandangan mengenai pengurusan fatwa di negeri-negeri di Malaysia.

Selain itu, satu seminar di peringkat antarabangsa telah dirancang untuk diadakan pada tahun 2004 bertajuk Seminar Fatwa Antarabangsa 2004 (*International Seminar on Fatwa*) selain menganjurkan satu wacana di peringkat kebangsaan.

## PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN FATWA DI INFAD

Bahagian ICT dan Sistem Pengurusan Fatwa sedang dalam proses membangunkan satu sistem maklumat pengurusan fatwa dengan kerjasama sebuah syarikat teknologi maklumat tempatan. Sistem maklumat pengurusan fatwa yang sedang dibangunkan akan menjadi pangkalan pengumpulan maklumat fatwa global yang cekap, pantas dan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi terkini.

Sistem ini melibatkan perolehan perkakasan, data, rangkaian dan capaian. Beberapa perbincangan telah dilakukan dengan syarikat tersebut dan kini pihak INFAD sedang berusaha mengumpul maklumat berkenaan pengklasifikasian fatwa bagi memudahkan proses capaian dibuat. Mengikut perancangan, sistem maklumat pengurusan fatwa ini akan dimulakan sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan tertinggi KUIM.

## STRUKTUR ORGANISASI DAN PENTADBIRAN INFAD

INFAD mempunyai sebuah Majlis Penasihat, Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran. INFAD dinaungi oleh Majlis Penasihat yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM dan dianggotai oleh ahli-ahli yang dilantik dari kalangan tokoh-tokoh dalam dan luar negara. Majlis ini berfungsi untuk memberi nasihat mengenai halatuju institut.

Bahagian Pengurusan pula diketuai oleh Prof. Dr. Abdul Samat Musa selaku Pengarah dan dibantu oleh Dr. Adel M. Abdulaziz sebagai Timbalan Pengarah. INFAD mempunyai 7 bahagian yang diketuai oleh 7 orang Penyelaras iaitu Bahagian Penyelidikan diketuai oleh Dr. Adel M. Abdulaziz, Bahagian Penerbitan diketuai oleh Pn. Zurina Kefeli @ Zulkefli, Bahagian Perundingan dan Khidmat Kepakaran di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Ali Yakub Matondang, Bahagian Seminar dan Wacana oleh Pn. Syahirah Abdul Shukor, Bahagian ICT dan Sistem Pengurusan Fatwa diketuai oleh Pn. Najwa Hayaati Hj. Mohd Alwi, Dr. Hersi Hilole sebagai Penyelaras Bahagian Bahagian Perhubungan dan Rangkaian Antarabangsa, serta En. Md. Yunus Abd. Aziz selaku Penyelaras Bahagian Sumber dan Dokumentasi.




## LAWATAN PROF. DR. MUHAMMAD AL-ZUHAILY

Atas undangan INFAD, Prof. Dr. Muhammad Al-Zuhaily, Dekan Fakulti Syariah dan Pengajian Islam dari Universiti al-Syariqah, Emiriah Arab Bersatu telah mengadakan lawatan ke institut ini pada hari Khamis, 31 Julai 2003 yang lalu. Kedatangan beliau telah disambut oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Husin, Rektor KUIM dan Y.Bhg. Prof. Abdul Samat Musa, Pemangku Pengarah INFAD serta ahli-ahli akademik KUIM termasuk para Penyelaras INFAD.

Sesi lawatan kemudiannya disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Y.Bhg. Rektor KUIM. Dalam ucapan tersebut, beliau menekankan peri pentingnya menubuhkan institusi seperti INFAD dan peranan yang seharusnya dimainkan oleh institusi ini. Beliau juga menegaskan tentang pentingnya lawatan para ulama sebagai salah satu cara bagi bertukar-tukar pandangan dan maklumat di antara institusi-institusi di negara Islam.

### STRUKTUR ORGANISASI INFAD



# Pengenalan Ringkas Kepada Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Oleh:  
**Prof. Dr. Abdul Samat Musa**  
Pemangku Pengarah INFAD

## Pendahuluan

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) hasil cetusan fikiran Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah menjadi kenyataan apabila ia dirasmikan penubuhannya pada 26 Mei 2003.

Penubuhan INFAD adalah sebahagian daripada usaha KUIM untuk menubuhkan beberapa pusat kecemerlangan, sesuai dengan hasratnya untuk memartabatkan tradisi keilmuan Islam di Malaysia, dan memberi sumbangan kepada masyarakat Islam tempatan dan antarabangsa.

## Misi

INFAD berhasrat menjadi sebuah Institut penyelidikan, perundangan dan pusat maklumat berkaitan fatwa bertaraf dunia yang terkehadapan dan berwibawa serta dikenali dan mendapat pengiktirafan semua peringkat sama ada tempatan, serantau atau antarabangsa.

## Matlamat

INFAD adalah satu institut yang unik berbanding dengan institusi-institusi penyelidikan atau badan-badan berkaitan fatwa yang lain di dunia. INFAD mempunyai lima matlamat yang utama:

- \* Menjadi pusat rujukan maklumat fatwa global dengan menggunakan teknologi ICT terkini
- \* Menjadi pusat penyelidikan dan perundangan fatwa yang akan menyediakan kepakaran secara profesional
- \* Sebagai forum perkongsian pintar dan dialog intelek di kalangan tokoh-tokoh sama ada dalam atau luar negara
- \* Menjadi pusat yang menggerakkan dan menyemarakkan aktiviti penyelidikan, perundangan dan penerbitan di kalangan kakitangan akademik KUIM
- \* Memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung dengan berbagai-bagai dimensi fatwa dan kaitannya dengan hukum Islam

## Aktiviti

Antara kegiatan yang akan dijalankan meliputi penyelidikan berkenaan: konsep, kepentingan, asas dan hubungan fatwa dengan keperluan semasa; governan institusi fatwa; menganalisis dan mengklasifikasi berbagai-bagai jenis fatwa dari seluruh negara Islam dan minoriti muslim; proses pengeluaran dan mekanisme penguatkuasaan fatwa; kaitan dan implikasi fatwa dalam masyarakat. Di samping penyelidikan, INFAD menjalankan aktiviti penerbitan dan pendokumentasian, melaksanakan aktiviti seminar dan wacana mengenai fatwa, dan menawarkan pekej-pekej perkhidmatan perundangan, nasihat kepakaran dan modul-modul latihan berkaitan fatwa dan hukum Islam.

## Struktur Organisasi dan Pentadbiran

INFAD mempunyai sebuah Majlis Penasihat, Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran.

Sebagai badan bertaraf antarabangsa, INFAD akan dinaungi oleh sebuah Majlis Penasihat (Advisory Council) yang di Pengerusikan oleh Rektor KUIM dan dianggotai oleh ahli-ahli yang dilantik dari kalangan tokoh-tokoh dari dalam dan luar negara, fungsi Majlis ini ialah memberi nasihat mengenai halatuju Institut.

Bahagian Pengurusan akan diketuai oleh seorang Pengarah yang akan dibantu oleh 7 orang penyelaras yang akan mengetuai 7 bahagian iaitu Bahagian Penyelidikan, Bahagian Perundangan dan Khidmat Kepakaran, Bahagian Perhubungan dan Jaringan Antarabangsa, Bahagian Penerbitan, Bahagian Seminar dan Wacana, Bahagian Sumber dan Dokumentasi dan Bahagian ICT dan Sistem Pengurusan Fatwa.

## Penutup

Penubuhan INFAD akan membantu memantapkan lagi institusi fatwa disamping menjadi rujukan global dari segi maklumat, penyelidikan dan khidmat kepakaran berkaitan fatwa. INFAD akan memperkenalkan Malaysia sebagai negara pertama mempunyai Institut Fatwa yang komprehensif dari aspek fungsi dan sumbangannya selaras dengan hasrat negara menjadi model negara Islam di peringkat antarabangsa.

## BERITA MAJLIS PERASMIAN INFAD DI AKHBAR TEMPATAN

**The Star** pada 27 Mei 2003 (Selasa) melaporkan bahawa Kolej Universiti Islam Malaysia telah menubuhkan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia selaras dengan objektif KUIM iaitu untuk menerokai pelbagai prinsip dan disiplin Islam dalam persekitaran moden dan berteknologi tinggi pada hari ini. Penubuhan INFAD merupakan institut penyelidikan fatwa yang pertama di dunia yang akan muncul sebagai pusat rujukan fatwa oleh pemimpin Islam dari dalam dan luar negara.

**Berita Harian** pada 27 Mei 2003 (Selasa) turut menulis mengenai penubuhan INFAD yang telah memetik ucapan perasmi Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai berkata bahawa INFAD akan mempercepatkan proses penetapan fatwa dan memudahkan umat Islam kerana fatwa adalah berkaitan dengan pelbagai isu sensitif dan memberi impak yang besar terhadap masyarakat Islam.

**New Straits Times** pada 27 Mei 2003 (Selasa) mengulas ucapan Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin bahawa INFAD tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan fatwa sebaliknya INFAD hanya bertindak sebagai pusat penyelidikan, penerbitan, perundingan dan pengurusan fatwa. INFAD akan membantu organisasi yang terlibat dengan fatwa tetapi tidak akan mengambil alih tugas mana-mana organisasi sedia ada.

**Utusan Malaysia** pada 27 Mei 2003 (Selasa) menjelaskan bahawa INFAD akan menjadi pelengkap kepada badan fatwa seperti Majlis Fatwa Kebangsaan dan Negeri melalui kajian-kajian yang akan dilakukan hingga ke peringkat antarabangsa.

**Harian Metro** pada 27 Mei 2003 (Selasa) melaporkan bahawa penubuhan INFAD yang diilhamkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor akan dapat membantu mengatasi masalah kelewatanewartakan fatwa yang sering dihadapi oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri.



Berita Harian  
27 Mei 2003

### Malaysia tubuh Institut Pengurusan, Penyelidikan Fatwa Dunia

KUALA LUMPUR: Malaysia maju setapak lagi dalam menerajui bidang penyelidikan apabila menubuhkan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad) yang diketendalikan Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim).

Infad, menjadi institusi penyelidikan pertama di dunia yang menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai fatwa bagi memudahkan peranan mufti dalam menentukan sesuatu hukum.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, berharap Infad dapat menjadi institusi antarabangsa yang akan memainkan peranan penting dalam mengeluarkan fatwa berkaitan perkara memabihkan hukum hakim di kalangan umat Islam.

"Ini akan mempercepatkan proses penetapan fatwa dan akan memudahkan umat Islam kerana fatwa memabihkan isu sensitif dan memberikan implikasi besar kepada masyarakat," katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis pelancaran Infad di sini, semalam. Hadir sama, Pengerusi Kuim, Tan Sri Dr Yusof Noor dan Rektor Kuim Prof Dr Abdul Shukur Husin.

Abdul Hamid berkata, penubuhan Infad memberi manfaat besar kepada umat Islam dan bakal menjadi rujukan dunia Islam.

Dalam ucapannya, beliau berkata umat Islam perlu mempertingkatkan kualiti diri dan menjadi umat terbaik bagi menghadapi era mencabar serta ledakan teknologi maklumat.

"Umat Islam bertambah setiap tahun, tetapi bilangan yang ramai belum tentu berkualiti dalam usaha memartabatkan dan menonjolkan keindahan Islam. Untuk menjadi umat yang berkualiti, kita perlu berani mengakui kesilapan serta mempunyai tahap pemikiran golongan majoriti bukan minoriti," katanya.

Dr Yusof dalam ucapannya pula berkata, Infad berperanan mengumpul dan menyelidik fatwa dari seluruh dunia termasuk di negara yang umat Islamnya minoriti.

"Infad bukanlah badan yang berfungsi mengeluarkan fatwa tetapi bertindak melengkapkan fatwa yang dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan," katanya.

Dr Yusof berkata, Infad penting bagi memastikan tiada pengulangan dan percanggahan fatwa yang mungkin menampakkan kelemahan Islam.

Utusan Melayu  
27 Mei 2003

### INFAD mampu percepat proses fatwa

SERDANG 26 Mei — Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) yang dirasmikan hari ini dilihat mampu mempercepatkan proses mengeluarkan sesuatu fatwa ke atas sesuatu isu baru yang timbul dalam masyarakat Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, badan penyelidik itu berperanan mengumpul-

kan fatwa dari seluruh dunia bagi membantu institusi fatwa di negara ini melakukan tanggungjawab mereka.

"INFAD akan menjadi pelengkap kepada badan fatwa seperti Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan dan Negeri melalui kajian mereka ke

atas fatwa di peringkat antarabangsa.

"Hasil kajian itu akan memudahkan kita mengeluarkan fatwa kerana kadang kala kita tidak sedar tentang kewujudan fatwa mengenai sesuatu perkara," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian INFAD di Seri Kembangan di sini hari ini.

INFAD yang ditubuhkan oleh Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) pada 2002 merupakan institusi penyelidikan dan pengurusan fatwa yang pertama pernah diwujudkan di dunia.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor, Rektor KUIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukur Husin dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Engku Tan Sri Ibrahim Engku Ngah.

Menurut Abdul Hamid, kewujudan INFAD diyakini dapat memantapkan institusi fatwa di negara ini apabila lebih banyak kajian dan maklumat tentang fatwa dari serata dunia dapat dianalisis secara mendalam.


"Malah hasil kajian fatwa oleh INFAD turut dapat digunakan oleh seluruh negara Islam dalam usaha menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul," ujarnya.

Bagaimanapun, beliau berkata, badan tersebut tidak akan mengambil alih fungsi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan sebaliknya membantu menyalurkan maklumat kepada badan itu termasuk para mufti mengenai fatwa di serata dunia sama ada dikeluarkan oleh individu atau badan tertent-

11

# Ulasan Buku

Oleh  
**Abdul Manan Ismail**  
 Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang  
 Kolej Universiti Islam Malaysia



Judul buku : Fatawa Mustafa al-Zarqa  
 Pengarang : Majd Ahmad Makkiy  
 Penerbit : Dar al-Qalam  
 Cetakan : 2001  
 Halaman : 700 muka surat

Penulis memulakan penulisan setebal 700 muka surat dengan membawa pendahuluan yang diberikan oleh Doktor Yusof al-Qaradawi sebagai tanda pengiktirafan terhadap fiqh dan ketokohan Mustafa al-Zarqa. Beliau diiktiraf sebagai faqih yang memahami nas-nas, *maqasid* dan realiti masyarakat.

Penulis seterusnya menceritakan latar belakang al-Zarqa yang dilihat sebagai tokoh fiqh yang berkemampuan dalam memberikan fatwa. Di samping, menyebut beberapa sumbangan beliau dalam penulisan ilmu. Ia dilengkapi dengan maklumat ringkas tentang kepentingan fatwa dan kedudukan mufti.

Keistimewaan fatwa al-Zarqa sebagaimana yang cuba diketengahkan oleh penulis ialah kefahaman beliau yang baik tentang realiti semasa, kemantapan fiqh *maqasid* serta ilmu usul fiqh dan metodologi fiqhnya. Di samping itu, ia banyak menjawab persoalan semasa dengan jawapan yang padat.

Penulis merumuskan metodologi al-Zarqa dalam memberikan fatwa dengan menyatakan bahawa beliau tidak fanatik terhadap mazhab tertentu, mengutarakan fatwa yang tidak menyusahkan orang ramai, merealisasikan kaedah *sadd al-zarai'* semasa mengeluarkan fatwa, meraikan fiqh darurat, menyatakan hikmat dan *'illah* hukum, menyatakan hukum dari perspektif agama dan kehakiman, pendalilan berdasarkan kaedah-kaedah fiqh dan usul, menyebut tentang buku yang sesuai dirujuk dalam sesuatu isu, bertanyakan kepada ulama yang lain dalam isu yang kurang jelas, memberikan alternatif terhadap perkara yang dilarang dan mengikat fatwanya dengan ikatan-ikatan dan *dabit* tertentu.

Buku ini telah disusun dengan baik berdasarkan himpunan fatwa al-Zarqa dalam 10 bab yang utama iaitu fatwa dalam masalah akidah, ibadat, pemakanan, kedokteran, kekeluargaan, fatwa yang pelbagai, fatwa fiqh yang berkaitan dengan undang-undang, hudud dan diyat, muamalat harta semasa dan fatwa berkaitan muamalat dengan bank. Ia mempunyai susunan bab yang menarik dan memudahkan para pembaca untuk merujuk kepada fatwa yang berkaitan.

Ia juga telah *mentakhrij* hadis yang disebut di dalam fatwa serta mengemukakan sumbernya yang akan memudahkan para pembaca merujuk hadis tersebut daripada sumber asal. Di samping itu, ia juga menyatakan tarikh fatwa dikeluarkan beserta nama pemohon fatwa.

Penulisan ini secara umumnya menarik untuk dibaca, namun demikian ia akan menjadi lebih menarik jika ditambah dengan senarai sumber rujukan bagi pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh al-Zarqa seperti penjelasannya mengenai hukum hakam yang disandarkan kepada para fuqaha. Ia akan memudahkan para pembaca untuk merujuk kepada buku asal yang dirujuk oleh al-Zarqa sekaligus akan menambah nilai akademik buku tersebut.

## KALENDAR INFAD 2003

| Aktiviti                                                            | Tarikh        |
|---------------------------------------------------------------------|---------------|
| ❖ Menerbitkan Booklet INFAD                                         | 26 Mei 2003   |
| ❖ Menerbitkan BULETIN INFAD 3 keluaran dalam setahun                | Ogos 2003     |
| ❖ Majlis Perasmian Wacana INFAD 2003                                | 30 Ogos 2003  |
| ❖ Wacana kedua bertemakan Pengurusan Fatwa: Cabaran dan Realiti     | Disember 2003 |
| ❖ Program Sehari bersama Mufti (A Day with our Distinguished Mufti) | 2003          |

## WORLD FATWA MANAGEMENT & RESEARCH INSTITUTE



*Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh*

### Foreword

Y. Bhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor

I am honoured to have the opportunity to pen a few words of encouragement for this first issue of INFAD BULLETIN. Congratulations to INFAD. In a short period of time, since its officiating ceremony on the 26<sup>th</sup> May 2003, INFAD has made excellent progress and published its first bulletin.

It is hoped that with the publication of this bulletin, INFAD and issues related to fatwa will be made known to the ummah,

locally as well as abroad. As a leading international institute, INFAD has to ensure that accurate and updated information, pertaining to fatwa and related issues, is disseminated efficiently and in line with the development of ICT today.

It is my hope that INFAD will further expand its activities and programmes, especially those related to research, publication and consultation. Good luck and may Allah bless you.

Amin.

**Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor**  
Chairman of KUIM

## THE OFFICIAL INAUGURATION OF INFAD

The World Fatwa Management and Research Institute (INFAD) is the brainchild of Y. Bhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, the Chairman of KUIM. INFAD came into being during its inauguration ceremony on the 26<sup>th</sup> May 2003, officiated by Y. Bhg. Brig. Jen. (R) Dato' Seri Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin, Minister in the Prime Minister's Department. The formation of INFAD is part of KUIM's effort to form several centers of excellence, in line with its mandate to honour the Islamic knowledge tradition in Malaysia, and to contribute to the Muslim society and the world in general.

According to Y. Bhg. Brig. Jen. (R) Dato' Seri Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin, INFAD will accelerate the acceptance of fatwa where this will enable the Muslims to obtain solution to their problems. He also stressed that, while INFAD does not have the authority to issue any fatwa, it would act as the center of research, publication, consultation and fatwa management. INFAD will assist related fatwa organizations but not take over the duties of any existing fatwa organization.

According to the Acting Director, Professor Dr. Abdul Samat Musa, INFAD intends to become the leading fatwa research institution, consultation and information center with international standards, recognized at all levels: local, regional and international.

The activities carried out by INFAD will include research on fatwa issues, the relevance of fatwa to cur-



rent needs, and the governance of fatwa institutions. Other activities will include the analysis and classification of fatwa from Islamic countries and Muslim minority communities. INFAD will also study the process of fatwa generation, the mechanism of fatwa enforcement and the implications of fatwa on society.

Besides research activities, INFAD will carry out publication and documentation activities, organization of fatwa seminars, delivery of consultation service packages, and the provision of expert advice and training modules related to fatwa and Islamic law. A coordinator with the relevant expertise will supervise each activity.

## INFAD BULLETIN EDITORIAL BOARD

### Patron

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin  
Rektor KUIM

### Advisor

Prof. Dr. Abdul Samat Musa  
Acting Director of INFAD  
and Dean of the Faculty of Syariah  
& Law

### Chief Editor

Pn. Zurina Kefeli @ Zulkefli

### Editors

Dr. Adel M. Abdulaziz Algeriani  
Dr. Hersi Mohamed Hilole  
Pn. Hazleena Baharun  
Mr. Leslie Terebessy @ Abdul Karim  
Abdullah  
Pn. Harison @ Hanisa Mohd Sidek  
En. Md. Yunus Abd. Aziz  
Pn. Rozlina Mohd Ramli

### Photographer

En. Djohan Shahrin Shah Sabli

### Secretariat

Cik Norhayati Adam  
Pn. Hariza Mohd Yusof  
Pn. Nor Azzah Momin



## Foreword

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

INFAD has added colours to the world of publication by KUIM when it succeeded in publishing the INFAD BULLETIN. I sincerely hope that this bulletin will serve as an avenue for academicians to hone their research and writing skills. I also hope that the publication of this Bulletin will continue.

Wassalam.

### Professor Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin

Rector of KUIM  
and Chairman of the Advisory Council



## Foreword

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Alhamdulillah, INFAD has managed to publish its very own Bulletin, an important document under the wing of its Publication Unit. Apart from publishing fatwa, INFAD also focuses on related activities such as research, consultation, collection and documentation of fatwa, establishing networks and international relations, organizing discourses and seminars as well as developing information systems on fatwa management. It is hoped that these activities, conducted on a continuous basis, will contribute to the development of the Muslim ummah. Finally, congratulations to the INFAD BULLETIN editorial board for their noble and tireless efforts in making this publication a success.

Wassalam.

### Professor Dr. Abdul Samat Musa

Acting Director of INFAD  
and Dean of the Faculty of Syariah and Law

## From The Editor

Alhamdulillah, with His blessings, we have published our first issue of the INFAD BULLETIN. The Editorial Board of the INFAD BULLETIN would like to take this opportunity to express our gratitude to those involved in publishing the Bulletin. We welcome news and academic articles, comments as well as photos related to the issue of Fatwa. Please send your contributions to:

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)  
Kolej Universiti Islam Malaysia  
Tingkat 10, Menara A, Persiaran MPAJ  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah  
55100 Kuala Lumpur

Tel: 03-42892233  
Fax: 03-42892234  
E-mail: <http://infad.kuim.edu.my>

## INFAD PUBLISHES ITS FIRST BULLETIN

After the successful publication of the *INFAD Guidebook*, which was distributed during the official launching ceremony on 26<sup>th</sup> May 2003, the Publication Division of INFAD has taken the initiative to publish the *INFAD Bulletin*. The bulletin will be published triennially, in April, August and December. The first publication will be distributed during the first KUIM convocation on the 9<sup>th</sup> August 2003.

The editorial board of *BULETIN INFAD* consists of the Chief Editor, several editors, a photographer and three secretarial staff. The editorial board is under the patronage of Y.Bhg. Professor Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rector of KUIM and Y.Bhg. Professor Dr. Abdul Samat, Acting Director of INFAD as the Advisor.

The editorial board of *BULETIN INFAD* welcomes contributions from research findings or academic writings.

For the year 2004, the Publication Division of INFAD plans to publish a journal at the international level, namely "*The International Journal of Fatwa Management and Research.*"



## INFAD TO LAUNCH ITS FIRST INTELLECTUAL DISCOURSE

Beginning 30<sup>th</sup> August 2003, the *Seminars and Discourse Division* will launch its first intellectual discourse by inviting several renowned religious scholars to discuss issues related to fatwa management. INFAD will also organize the official launching of *The INFAD International Discourse 2003*. The Chairman of the Board of Directors of KUIM, Tan Sri Dato' Dr. Mohd Yusof Hj Mohd Noor is expected to officiate the inaugural ceremony.

According to the coordinator of the *Seminars and Discourse Division*, Ms. Syahirah Abd. Shukor, several intellectual discourse and seminar programmes will be organized, such as **A Day with our Distinguished Mufti (Sehari Bersama Mufti)**. INFAD will invite a Mufti from various states in Malaysia to share his experience and views on fatwa management in Malaysia.

INFAD also plans to organize a seminar at the international level for the year 2004 (**International Seminar on Fatwa**) and an intellectual discourse at the national level.

## CHRONOLOGY OF EVENTS IN THE ESTABLISHMENT OF INFAD



**6 August 2002:** The intention to form INFAD was made public by KUIM during a press conference. The formation of INFAD was the brainchild of Y.Bhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, the Chairman of Board of Directors of KUIM.

**9 August 2002:** During a meeting chaired by the Rector of KUIM, it was agreed that a special committee would be set up by the university to prepare a proposal on the formation of INFAD.

**27 August 2002:** The Rector of KUIM announced the appointment of the Special Committee to prepare the proposal. Professor Dr. Abdul Samat Musa directed the activities of the Proposal Committee.

**18 October 2002:** The proposal to form INFAD was accepted at KUIM's Eleventh Senate Meeting.

**28 November 2002:** The formation of INFAD was approved at the Sixth Meeting of the KUIM Board of Directors.

**26 May 2003:** INFAD was officially inaugurated by Y.Bhg. Brig. Jen. (R) Dato' Seri Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin, Minister in the Prime Minister's Department, at the Palace of the Golden Horses, Serdang, Selangor.

## VIEWS FROM MUFTIS AND ISLAMIC SCHOLARS REGARDING THE ESTABLISHMENT OF INFAD

Prior to the formation of INFAD, several surveys had been carried out to obtain society's views regarding its establishment. Among them, KUIM had approached the Muftis and other Islamic scholars to solicit their views. Several responses were received. One of them was from **Associate Professor Dr. Mohammed Yusoff B. Hussain, Mufti of Wilayah Persekutuan, in the Prime Minister's Department**. According to him, the formation of World Fatwa Research and Management Institute (INFAD) was highly welcomed and he hoped that it would achieve its goals and objectives as planned.

At the international level, **Professor Dr. Muhammad al-Zuhaili, the Dean of the Faculty of Syariah and Islamic Studies, Universiti al-Syariah**, stated that KUIM had surpassed other Muslim countries in implementing one of the 'Fardhu Kifayah' for the Muslims in this century. He hoped that INFAD would carry out in-depth research and offer helpful and up to date programmes to the government, various institutions, firms and individuals. It is hoped that INFAD will carry out academic studies relating to various fatwa issues in line with the development of modern knowledge. This should take place in the form of a global approach, using the latest developments. Such an approach will ensure that the Islamic Fiqh and Syarie' scholars' on-going contributions to society, the Muslims and the development of the country



are utilized in a way that will encourage continuous progress.

In addition, **Dr. Muhammad Taufiq Ramadhan al-Buthi, Head of Islamic Fiqh and Mazhab, the Faculty of Syarie and Dr. Wahbah al-Zuhaili, Professor of Fiqh and Usul Fiqh, University of Damsyik**, congratulated KUIM for its efforts and prayed that Allah would render His help in the endeavor to form this institution. By making a major contribution towards the development and utilization of fatwa research, INFAD is expected to provide a valuable service to Muslims and knowledge institutions worldwide.

## THE DEVELOPMENT OF THE FATWA INFORMATION MANAGEMENT SYSTEM

The ICT Division is developing the *Fatwa Information System* in cooperation with a local information technology company. The system is designed to become an efficient and fast global fatwa database, using advanced information technology and communication tools.

The system requires the acquisition of hardware and data, and the implementation of access procedure. Several discussions have already taken place with the partner company. As of now, INFAD is in the process of gathering, classifying and storing information related to fatwa and establishing convenient access to the database. The system will begin its operation as soon as it receives the required approval from the *Board Of Management*.

## INFAD CALENDAR 2003

| Activities                                                            | Dates          |
|-----------------------------------------------------------------------|----------------|
| • Publication of the INFAD booklet                                    | 26 May 2003    |
| • Publication of BULETIN INFAD (3 issues annually)                    | August 2003    |
| • Officiating ceremony of INFAD Discourse 2003                        | 30 August 2003 |
| • The Second INFAD Discourse - Managing Fatwa: Challenges and Reality | December 2003  |
| • 'A Day with our Distinguished Mufti' Programme                      | 2003           |

## THE ORGANISATION AND ADMINISTRATIVE STRUCTURE OF INFAD


As an international Institution with global functions and responsibilities, INFAD reports to an advisory body, the *INFAD Advisory Council*. The members of the *Council*, chaired by the Rector of KUIM, are appointed from Malaysia and abroad. The function of the *Council* is to give advice on the focus, activities and the current needs of INFAD.

INFAD is led by the Director, Professor Dr. Abdul Samat Musa, and assisted by the Deputy Director, Dr. Adel M. Abdulaziz and seven coordinators from the seven divisions:

- Research Division (Dr. Adel M. Abdulaziz )
- Consultation and Expert Services Division (Associate Professor Dr. Ali Yakub Matondang)
- International Network and Communication Division (Dr. Hersi Hilole)
- Publication Division (Pn. Zurina Kefeli @ Zulkefli)
- Seminars and Discourse Division (Pn. Syahirah Abdul Shukor)
- Documentation and Resource Division (En Md. Yunus Abd. Aziz)
- Fatwa Management System and ICT Division (Pn. Najwa Hayaati Hj. Mohd Alwi)



### INFAD ORGANISATIONAL STRUCTURE



## THE HISTORICAL DEVELOPMENT OF FATWA: PART I

Dr. Adel M. Abdulaziz al-Gharyani

Deputy Director

Cum Coordinator of Research Division, INFAD

### Introduction

*Fatwa* has a vital role in Islam because it helps to explain Allah's law in both religious and worldly matters. Due to their major implications of *fatwas*, legislators are particularly cautious when announcing *fatwas*. In fact, *al-Quran* strictly warns those who debate Allah's law in ignorance.

In *Sura al-'Araaf*, verse 33, we read:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى  
اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

"Say: the things that my Lord hath indeed forbidden are: indecent deeds, whether open or secret; sins and trespasses against truth or reason; assigning of partners to Allah, for which He hath given no authority; and saying things about Allah of which ye have no knowledge"

*Ulamas* are aware of the importance of *Fatwa* and thus handle it as meticulously as possible. They have researched and analyzed each and every discussion of *Usul al-Fiqh*, as well as composed others, either briefly or at great length. Due to the significance of *Fatwas* and their relevance in our daily lives, the media disseminates them in various ways, be it in the form of reading and listening materials or even on Internet websites.

### The Definition of Fatwa

*Fatwa* comes from the Arabic root word '*afwa*' which means 'to describe or enlighten.' The *al-Wasit* dictionary states: "*Fatwa*; solution to any problem, whether related to *Shariah* or legal matters; the plural versions are *fatawi* and *fatawa*. '*Istafwa*' means to inquire or to ask for a *fatwa* and opinion." The usage of the word can be found in *al-Quran*:

فَاسْتَفْتِهِمْ أَهُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمْ مَنْ خَلَقْنَا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ طِينٍ لَازِبٍ.

"Then ask them (i.e. these polytheists, O Muhammad): "Are they stronger as creation, or those (others like the heavens and the earth and the mountains) whom We have created? Verily, We created them of a sticky clay." *Sura al-Nisa* verse 176 states:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ إِنَّ أَمْرُؤَ هَٰلِكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ  
أُخْتُ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ فَإِنْ كَانَتْ  
اِثْنَتَيْنِ فَلَهُمَا الثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً رِجَالًا وَنِسَاءً فَلِلَّذَكَرِ  
مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَنْ تَضِلُّوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

"They ask thee for a legal decision. Say: Allah directs (thus) about those who leave no descendants or ascendants as heirs. If it is a man that dies, leaving a sister but no child, she shall have half the inheritance: if (such a deceased was) a woman, who left no child, her brother takes her inheritance: if there are two sisters, they shall have two-thirds of the inheritance (between them): if there are brothers and sisters, (they share), the male having twice the share of the female. Thus doth Allah make clear to you (His law), lest ye err. And Allah hath knowledge of all things."

In addition, *Sura al-Nisa* verse 127 states:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ،

"They ask your legal instruction concerning women, say: Allah instructs you about them."

*Dar al-Fatwa* is the *Fatwa* institution. A *Mufti* is a government appointed official who has to answer questions relating to *Shariah* and is the person issuing the *fatwa*.

The terminological meaning of *fatwa* is that it is the *Faqih's*

explanation of laws and frequently asked questions. Another definition of *fatwa* is the *Syara'* law expounded by a *Mufti* to an inquirer in a non-restrictive form. Hence, the inquirer is not restricted or bound by the law arising from the *Mufti's fatwa*. The inquirer has the right to seek *fatwa* from another *Mufti* or *Muftis*. Furthermore, he can apply the *Fatwa* from another *Mufti*, provided the *Mufti* is '*Alim* or pious and well qualified to issue *Fatwas*. Several Muslim intellectuals describe the process of issuing *Fatwa* as "describing Allah's law generally and comprehensively in accordance with the demands of *Syara'* guidelines."

Issuing *fatwa* is *fard' kifayah*. Therefore, it is *wajib* (compulsory) for an '*Alim* or pious person to give *fatwa* when no other pious person is available. On the other hand, if there is another pious person in the same district, this rule will not apply because there is more than one qualified person to issue the *Fatwa*.

### The Difference Between *al-Qadha'* and *al-Fatwa*.

*Al-Quran* sets guidelines for particular issues in accordance with human needs. Consequently, several *ulamas* regard *fatwa* as a component of *al-Qadha'* (adjudication). Their conclusion is based on several verses in *al-Quran*. *Sura al-Nisa*, verse 176 states: "They seek *fatwa* from you (Muhammad) on issues relating to women, say: Allah will provide *fatwa* on matters relating to them". While *Sura al-Maidah*, verse 127 says: "They seek *fatwa* from you (Muhammad), say: Allah provides explanation (*fatwa*) on '*kalallah*.'" There is consensus amongst the *ulamas* that *fatwa* is a part of adjudication. Nevertheless, there are some major differences between *al-Qadha'* and *al-Fatwa*.

*Qadha'* is restrictive and must be implemented. *Fatwa* merely explains the *Syara'* laws on general issues and is not restrictive.

*Qadha'* creates laws that must be carried out and usually involves two opposing parties. A *fatwa*, on the other hand, only clarifies issues raised by either one or more parties in the absence of any conflict.

